

# UMS menang Anugerah Buku Negara 2012

UB 23-02-2012 B12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menempati satu lagi lakaran sejarah gemilang apabila salah satu terbitan penerbit UMS memenangi Anugerah Buku Negara 2012 di bawah kategori 'Buku Mewah Terbaik (Bergambar)' menerusi salah satu buku terbaharunya bertajuk 'Perarakan Berjubah Graduan di Bandaraya Kota Kinabalu'.

Ketua Unit Penerbitan UMS, Prof Dr Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa, bersama penulis buku berkenaan Prof.

Madya Dr Mahmud Haji Sudin, menerima trofi dan sijil anugerah daripada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin, sempena Majlis Perasmian Persidangan Buku Antarabangsa dan Anugerah Buku Negara anjuran bersama Yayasan Pembangunan Buku Negara dan The Oxford Centre for Excellent, United Kingdom dengan kerjasama beberapa agensi lain pada 1 Februari lalu di Dewan Merdeka, Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.


Naib Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon mengucapkan tahniah kepada penerbit UMS dan Dr Mahmud atas komitmen dan kejayaan menghasilkan buku yang baik dan berkualiti.

Dr Syed Azizi berkata, anugerah seumpama ini merupakan kali pertama diterima oleh penerbit UMS.

"Kita berbangga dengan kejayaan ini dan sudah tentulah akan menjadi pendorong lagi untuk usaha-usaha penerbitan berkualiti kami

pada masa-masa akan datang, demi untuk menyebarkan intisari dan ilmu yang berguna kepada masyarakat," katanya.

Buku 'Perarakan Berjubah Graduan di Bandaraya Kota Kinabalu' ini memaparkan pentingnya hubungan baik antara masyarakat sekitar dan warga universiti demi kecemerlangan bersama.



## BUKU 'Perarakan Berjubah Graduan Di Bandaraya Kota Kinabalu' yang memenangi Anugerah Buku Negara 2012.

UMS dikatakan universiti pertama di Malaysia yang mengadakan perarakan berjubah graduan di tengah-tengah bandaraya Kota Kinabalu pada setiap kali majlis tahunan konvokesyennya, sejak 2007 lagi.

Dr Mahmud yang juga Dekan Sekolah Pertanian Lestari, di UMS Kampus Sandakan, berkata buku ini menyajikan kepada pembaca unsur-unsur transformasi minda ke arah merangsang motivasi masyarakat dan memperkukuh keserjanaan



**SYED AZIZI (kanan) dan Mahmud bersama trofi dan sijil Anugerah Buku Negara 2012 yang berlangsung pada 1 Feb 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.**

graduan.

Di samping ulasan faedah aktiviti seumpama ini seperti semangat patriotik, hubungan universiti dan industri, sektor pelancongan dan sebagainya, gambar-

gambar menarik busana rasmi Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Senat, Graduan dan pasukan-pasukan beruniform UMS dari peristiwa di sepanjang tahun-tahun majlis berkenaan pernah diadakan turut dimuatkan.



**SYED AZIZI (tiga dari kiri) dan Mahmud (dua dari kiri) serta penerima Anugerah Buku Negara 2012 merakamkan gambar kenangan bersama Mohamed Khalid (tujuh dari kiri).**